"Pada 2019 terdapat enam jenis (klon) DPK menerusi usaha pekebun di Jerantut, Lipis dan Raub tetapi tahun ini, Jabatan Pertanian sudah mengenalpasti lebih 20 baka DPK menerusi hasil pertandingan peringkat daerah dan negeri yang sudah dikenali serta memenuhi permintaan ramai pelanggan," ujarnya.

Jelasnya, jumlah baka premium durian kampung masih kecil dan Jabatan Pertanian Pahang sedang menggiatkan usaha menerusi pendedahan kursus cantuman, pengurusan kebun dan buah untuk jaminan bukan sahaja mengisi pasaran tempatan malahan mampu melepasi peringkat antarabangsa.



**PEMILIK dusun durian, Mohd. Sabri Majid (tengah) menunjukkan durian kampung jenis Mas Hijau yang pernah mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Durian Kampung Premium 2020.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Keperluan beri subsidi, apung harga telur dikaji

## Kementerian jangka masalah selesai satu hingga dua bulan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my



*Mohamad tiba pada Majlis Amanat Sempena Tahun Baharu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Putrajaya, semalam.* (Foto ihsan Facebook MAFS)

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sedang mengkaji keperluan mengapungkan harga telur di pasaran dan memberi subsidi bersasar kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata MAFS akan melihat dari semua aspek berhubung buruk baik pelaksanaan dua langkah terbabit kepada golongan B40 dan rakyat keseluruhan.

Bagi tujuan berkenaan, beliau berkata, kementeriannya mengadakan perbincangan dengan tiga lagi kementerian, iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada cadangan supaya harga telur diapungkan dan subsidi diberikan kepada B40 dan kita sedang buat kajian adakah ia baik kepada golongan B40.

"Ini kerana bagi orang yang mampu, mereka tak kisah harga telur berapa pun. Orang Malaysia antara paling tinggi makan ayam dan telur," katanya pada Majlis Amanat Sempena Tahun Baharu kementeriannya, di sini semalam.

Terdahulu pada Disember lalu, Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin menyarankan kerajaan melaksanakan mekanisme pengapungan harga telur dan ayam tanpa paras siling bagi memastikan kekurangan bekalan dapat diatasi.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Ameer Ali Mydin pula dilaporkan menyarankan kerajaan untuk menghapuskan pemberian subsidi, khususnya bagi minyak masak dan telur dengan digantikan subsidi bersasar menerusi pemberian tunai bulanan untuk B40.

### Bincang dengan penternak

Mengenai bekalan telur di pasaran dilaporkan masih mengalami kekurangan, Mohamad menjangkakan masalah itu dapat diselesaikan dalam tempoh antara satu hingga dua bulan lagi melalui beberapa tindakan yang sedang dan akan dilaksanakan kerajaan.

"Kita sedang berbincang dengan penternak ayam telur, macam mana nak susun semula subsidi, sama ada nak diteruskan atau diubah caranya supaya kita dapat membanyakkan telur dalam pasaran.

"Kini bekalan ayam sudah agak stabil, jadi bekalan telur pun akan stabil tidak lama lagi. Sekarang (bekalan telur) kita tampung sedikit dengan import. Kita harap bekalan telur akan baik dalam masa sebulan dua ini," katanya.

Beliau juga menegaskan, pengimportan telur dari India hanyalah langkah sementara untuk menampung permintaan dan akan dihentikan sebaik pengeluaran dalam negara mencukupi dan kembali stabil.

"Sekarang masalahnya pengeluar tempatan tidak mengeluarkan telur yang cukup. Kalau pengeluar tempatan boleh mengeluarkan cukup (telur), tidak ada masalah," katanya.

Awal bulan ini, Mohamad berlepas ke Namakkal, Tamil Nadu, India bagi melihat sendiri proses pengeluaran telur ayam untuk dieksport ke Malaysia dan memastikan sumber protein berkenaan adalah bersih, selamat dan lebih murah daripada telur tempatan.

Mohamad juga mendedahkan, pada sesi pemukiman Jemaah Menteri kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali memaklumkan MAFS mendapat markah tercorot daripada pandangan awam berikutan masalah kekurangan bekalan ayam dan telur.

Bagaimanapun, katanya, isu berkenaan adalah seiring dengan masalah global berikutan krisis bekalan makanan ekoran peperangan, perubahan iklim serta pemanasan global.

# Telur kotor bukan pilihan utama pengguna

**Kuala Terengganu:** Bekalan telur ayam kotor bukan pilihan utama pengguna, walaupun harga ditawarkan bagi setiap papan mengandungi 30 biji lebih murah daripada telur ayam biasa.

Tinjauan di beberapa syarikat pemborong mendapati, telur ayam kotor dijual antara RM11.10 sen dan RM12.60 sen sepapan mengandungi 30 biji pelbagai gred, berbanding telur ayam biasa RM12.60 sen sepapan bagi gred A, RM12.00 (B) dan gred C adalah RM11.40 sen.

Pengurus sebuah syarikat pemborong telur di Cabang Tiga di sini, Nursyzanil Adha Ramli, mengakui telur ayam kotor bukannya pilihan utama, sebaliknya pengguna lebih mengutamakan telur ayam biasa.

Katanya, walaupun kualiti isi telur kotor setanding dengan telur biasa, pilihan utama pengguna tetap telur ayam biasa.

"Punca utama pengguna, termasuk peniaga kedai makan memilih telur biasa disebabkan mereka boleh menjimatkan masa kerana tidak perlu membersihkan sisa najis dan bulu ayam pada telur berkenaan.

"Kita menasihatkan pengguna terutama pengusaha kedai makan supaya bersihkan telur ayam kotor yang dibeli bagi mengelakkan berlakunya keracunan makanan," katanya.

Nursyzanil turut menjelaskan, pemborong cuba untuk mengelak daripada menjual telur ayam kotor, tetapi terpaksa akur dengan ketetapan pengeluar.

"Kita memesan bekalan telur ayam biasa sebanyak 5,000 papan mengandungi 150,000 biji, tetapi pengeluar turut membekalkan sebanyak 600 papan mengandungi 18,000 telur kotor.

"Pengguna bagaimanapun, hanya membeli telur ayam kotor selepas mendapati telur ayam biasa kehabisan stok," katanya.

Sementara itu, tinjauan ke sebuah kedai pemborong mendapati 900 papan mengandungi 27,000 telur ayam biasa yang dibekalkan, manakala 200 papan lagi mengandungi 6,000 telur kotor.

Pekerja di syarikat pemborong yang berpangkalan di Kota Bharu, Kelantan itu turut mengakui telur ayam biasa menjadi pilihan utama pengguna, termasuk pengusaha kedai makan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 25 |

# Dua lelaki didenda RM20,000 laga ayam

## Mengaku salah selepas terlibat kes berkenaan tiga tahun lepas

**KUALA TERENGGANU**

Dua lelaki, masing-masing didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, selepas mengaku bersalah terlibat dalam kes laga ayam, tiga tahun lepas.

Hakim Nazlyza Mohamad Nazri membuat keputusan itu selepas Mohd Nazir Mohd Dagang, 47, dan Mohd Raimi Manaf, 33, mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 32 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menyebabkan satu perlagaan haiwan iaitu ayam di gelanggang laga ayam sebuah bangsal belakang rumah di Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus pada jam 4.15 pagi, 3 September 2020.

Hakim menetapkan hukuman denda RM20,000 atau enam bulan penjara sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar dan Fazlizan Ishak Khan.

Mohd Nazir yang merupakan pengusaha keropok lekor diwakili peguam Puteri Hikmatul Raudah Dzulaika Mohamad, manakala Mohd Raimi, seorang juruteknik, diwakili peguam Najmi Adila Mohd Nasir. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA




**Mohd Nazir (dua dari kiri) dan Mohd Raimi (tiada dalam gambar) masing-masing dijatuhkan hukuman denda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Isnin.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 12 |

Pengusaha keropok lekor terkenal di Tok Beng itu didenda RM20,000

# Tauke keropok mengaku sabung ayam




MOHD. NAZIR (kanan) dihukum denda RM20,000 kerana menyabung ayam di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Gara-gara menyabung ayam ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu, seorang pengusaha keropok lekor terkenal dan rakannya didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Nazliza Mohd. Nazri memerintahkan demikian selepas kedua-dua tertuduh, Mohd. Nazir Mohd. Dagang, 47, dan Mohd. Raimi Manaf, 33, yang merupakan seorang juruteknik membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Beliau memerintahkan Mohd. Nazir dan Mohd. Raimi dijatuhi hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Tertuduh pertama yang diwakili peguam, Puteri Hikmatul Raudah Dzulaika Mohamad dan tertuduh kedua pula yang diwakili peguam, Najmi Adila Mohd. Nasir membayar denda tersebut.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa menyabung ayam di dalam sebuah bangsal terletak di belakang sebuah rumah di Kampung Tok Beng, Kuala Nerus pada pukul 4.15 pagi, 3 September 2020.

Mengikut fakta kes, lokasi Mohd. Nazir dan Mohd. Raimi yang sedang melaga ayam telah diserbu anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah, Polis Daerah Kuala Terengganu.

Hasil pemantauan selama 10 minit sebelum itu mendapati, mereka menyabung dua ekor ekor ayam laga di gelanggang berkenaan.

Serbuan itu telah menahan kedua-dua tertuduh selain menyita dua ayam laga berkenaan.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 32(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukan hukuman denda antara RM20,000 dan RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |




MOHD Nazir mengaku bersalah terlibat dalam kes laga ayam tiga tahun lalu.

# Bayar RM20k atau masuk jel 6 bulan

## *Dua lelaki mengaku bersalah berlaga ayam kena denda*

**Kuala Terengganu**

Dua lelaki, masing-masing didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah terlibat dalam kes laga ayam, tiga tahun lalu.

Hakim Nazlyza Mohamad Nazri membuat keputusan itu selepas Mohd Nazir Mohd Dagang, 47, dan Mohd Raimi Manaf, 33, mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 32 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menyebabkan satu perlagaan haiwan iaitu ayam di gelanggang laga ayam sebuah bangsal belakang rumah di Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus pada 4.15 pagi, 3 September 2020.

**Mohd Nazir merupakan pengusaha keropok lekor**

Hakim menetapkan hukuman denda sebanyak RM20,000 atau enam bulan penjara sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu Mohd Shahihan Mohd Tahar dan Fazlizan Ishak Khan.

Mohd Nazir yang merupakan pengusaha keropok lekor diwakili peguam Puteri Hikmatul Raudah Dzulaika Mohamad manakala Mohd Raimi, seorang juruteknik diwakili peguam Najmi Adila Mohd Nasir.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | NST | NEWS | 10 |

RM1 MILLION IN SEIZURE

# MMEA detains Vietnamese boat for illegal fishing off Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) detained a Vietnamese registered fishing boat about 135 nautical miles off Kuala Terengganu after it was detected fishing illegally in Malaysian waters on Saturday morning.

Terengganu MMEA director Maritime Captain Mohd Khairul Anuar Abd Majid said they detected the foreign boat's crew fishing and, when approached, the captain tried to sail away.

He said they reacted swiftly to intercept and detain the boat, which had a foreign registration number.

"The boat, from Vietnam, was detained about 9am on Saturday morning in the Op Naga Barat and Kuda Laut. During inspection, the boat's captain failed to produce the necessary documentation and did not have a valid licence.

"Further checks on the boat found that the captain and the seven crew members on board were all Vietnamese nationals aged between 21 and 54," he said in a statement, adding that none of them had any valid documentation.



*Maritime Captain Mohd Khairul Anuar Abd Majid*

Khairul Anuar said all of them were detained for questioning.

According to him, the boat and all the fishing equipment on board, including a catch weighing 150kg and 100 litres of diesel, were seized.

The estimated value of the seizure was RM1 million.

"The case is being investigated by MMEA under the Fisheries Act 1985 for not having any licence or work permit to carry out fishing activities in Malaysian waters and under the Immigration Act of 1959/1963 for not having valid identification documents," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 7 |



BOT nelayan Vietnam yang ditahan APMM kerana mencuri hasil laut di perairan Kuala Terengganu pada Sabtu lalu.

# Cubaan bot nelayan Vietnam lari daripada APMM gagal

**KUALA TERENGGANU** – Cubaan sebuah bot nelayan Vietnam melarikan diri daripada pasukan Maritim Malaysia (APMM) selepas menceroboh perairan negara untuk mencuri hasil laut gagal apabila bot itu berjaya ditahan baru-baru ini.

Dalam kejadian pada pukul 9 pagi, Sabtu lalu, seramai tujuh nelayan asing yang menaiki bot terbabit ditangkap di kedudukan 135 batu nautika dari timur laut perairan Kuala Terengganu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd. Khairulanuar Abd. Majid berkata, sebelum tangkapan, kesemua nelayan terbabit sedang leka menangkap ikan pada musim tengkujuh di perairan Kuala Terengganu.

Menurutnya, bot nelayan Vietnam itu kemudian memecut laju untuk melarikan diri sebaik menyedari kehadiran bot APMM.

"Bot itu akhirnya berjaya dipintas tidak lama kemudian. Pemeriksaan mendapati ia tidak memiliki permit Jabatan Perikanan untuk menangkap ikan di negara ini," katanya semalam.

Kata beliau, kesemua nelayan berusia 21 hingga 54 tahun juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan permit kerja yang sah.

Ujarnya, APMM telah merampas 150 kilogram ikan pelbagai jenis, peralatan menangkap ikan, 100 liter diesel dan bot yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM1 juta.

"Kesemua barang rampasan bersama tujuh suspek dibawa ke Jeti Maritim Kuala Terengganu. Ia adalah tangkapan pertama bot nelayan Vietnam mencerobohi perairan negeri ini tahun ini.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1963," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

# Tujuh nelayan asing Vietnam ditangkap

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan tujuh nelayan warga Vietnam bersama sebuah bot kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara, Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, bot terbabit ditahan kira-kira jam 9 pagi di sekitar 135 batu nautika di timur laut Kuala Terengganu melalui operasi Op Naga Barat dan Op Kuda Laut.

"Aset maritim mengesan sebuah bot yang mencurigakan itu sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan ketika dihampiri mereka cuba melarikan diri.

"Namun, kapal operasi bertindak memintas dan menahan bot yang menggunakan nombor pendaftaran asing terbabit dan pemeriksaan mendapati, tekong gagal mengemukakan dokumen lesen yang sah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, kesemua tujuh kru termasuk tekong berumur 21 hingga 54 tahun ditahan selepas didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri serta permit pekerja asing sah. Kesemua warga Vietnam itu dihantar ke Maritim Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, bot dan kesemua peralatan menangkap ikan, 150 kilogram ikan campur serta 100 liter diesel yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM1 juta dirampas.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana tidak memiliki sebarang lesen dan permit kerja untuk melakukan pengoperasian penangkapan hasil laut di perairan negara dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.



BOT nelayan warga Vietnam yang ditahan Maritim Terengganu di sekitar 135 batu nautika di timur laut Kuala Terengganu.

DEMAM BABI AFRIKA

# Empat kes di Perak

**Ipoh:** Perak melaporkan empat kes penyakit demam babi Afrika (ASF) membabitkan dua daerah dari Disember hingga awal tahun ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A Sivanesan *(gambar)*.



Beliau berkata, tiga kes positif ASF dikesan pada ternakan babi komersial iaitu satu di ladang di Bidor di daerah Batang Padang dan dua lagi di Sungai Siput di daerah Kuala Kangsar, antara Disember dan 3 Januari lalu.

"Pada 13 Januari satu lagi kes positif ASF dikesan di daerah Kuala Kangsar. Kes dikesan hasil survelan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak dalam radius 10 kilometer (km) dari ladang yang dijangkiti.

"Ladang terlibat yang terletak di mukim Sungai Siput sudah dikuarantin dan tindakan pemusnahan serta pelupusan baki ternakan babi di ladang itu akan dijalankan pada 17 Januari ini secara berperingkat," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, kelmarin.

Menurutnya kes terbaharu itu menjadikan jumlah kes positif ASF di Perak adalah 11 kes sejak tahun lalu iaitu satu kes di Hilir Perak, Batang Padang (lima), Kerian (dua) dan Kuala Kangsar (tiga).

Sivanesan berkata, 12.1 peratus daripada keseluruhan 91 ladang babi di negeri ini sudah dijangkiti ASF dan jumlah babi yang dilupuskan sebanyak 8,488 ekor membabitkan kerugian dialami penternak dianggarkan RM12 juta.

Beliau berkata, kesemua ladang yang disyaki dan disahkan dijangkit ASF sudah diarahkan tindakan kuarantin, selain sekatan pergerakan di semua ladang yang terletak dalam dua km radius dari ladang terlibat dan ladang yang menggunakan kenderaan lori pengangkut babi yang sama sehingga survelan selesai.

Menurutnya, kesemua penternak babi dinasihatkan meningkatkan biosekuriti ladang bagi mengelakkan dijangkiti ASF dan menghubungi JPV jika terdapat kematian babi hutan atau babi komersial di kawasan mereka untuk tindakan lanjut.

"Setakat ini, bekalan daging babi di Perak adalah terkawal dan saya akan mengadakan perjumpaan bersama persatuan penternak dan pengarah JPV negeri untuk berbincang mengenai masalah ini kerana kemungkinan berlaku kekurangan bekalan sekiranya tidak ditangani segera.

"Kesemua ladang perlu ditukar kepada sistem penternakan moden yang tertutup, tetapi di Perak hanya 20 peratus daripada keseluruhan ladang yang sudah melaksanakannya dan kita jangka banyak ladang terpaksa ditutup sekiranya gagal berbuat demikian," katanya.



17 JAN, 2023

# Nong Yeh Global and MARDI Corp works together in agriculture digital transformation

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia





林定业（左起）、黄国鸿、再迪沙林和沙夫安拉扎里，共同签署谅解备忘录。

## NongYeh Global与MARDI Corp
## 携手推动农业数字化

（沙登 16 日讯）大马农业电子商务平台商 NongYeh Global 与大马农业研究及发展局公司（简称 MARDI Corp）签署谅解备忘录，携手共推农业领域的数字化发展，促进我国农业经济活动。

NongYeh Global 首席执行员黄国鸿说，双方将携手打造大马一项全新的农业博览馆，即 PAKAR 农业博览会（PPE），以满足业界所有相关利益人士的需求，助力农业数字化发展。

"这是 NongYeh Global 与 MARDI Corp 共同努力的第一步，也是深化政府机构与私人界合作，强化整个农业领域发展的重要一步。"

该公司今日发文告说，黄国鸿偕同公司的董事林定业，与 MARDI Corp 首席执行官再迪沙林、首席运营官沙夫安拉扎里是于本月 10 日，在沙登农业博览馆签署上述备忘录。

NongYeh Global 所创建的农业电子商务平台 NONGYEH，是一个企业对企业（B2B）的线上平台，旨在为农业领域相关人士提供全方位服务，如农业产品供应与销售、行业更新、教育培训和工作招聘等。

透过上述合作，MARDI Corp 将协助引入政府机构的参与博览会，比如马来西亚联邦农业销售局（FAMA）、联邦土地发展局（FELDA）、联邦土地复兴与统一局（FELCRA）、大马棕油局（MPOB）、大马橡胶局（LGM）和其他农业机构等。

至于 NongYeh Global 则将致力于通过各种线上和线下平台以及其国际合作伙伴，招揽本地与国际参与者、农业专家、农业协会以及合作伙伴等，参与 PAKAR 农业博览会。

此外，来自农业、种植和食品行业的企业，将有机会接触到许多来自政府和私人界的重要引领者，开拓商业合作机会。

"对于农民和农业企业家，博览会将为他们提供一个很好的机会，搜集各方的产品信息、市场信息和农业知识。"

农业是大马的重要经济领域，根据大马统计局，截至 2022 年第三季度，大马农业领域为国内生产总值（GDP）贡献高达 400 亿令吉的收入。

该公司欢迎业界人士参与于今年 3 月 17 日至 19 日在上述博览馆举行的 PAKAR 农业博览会；欲知详情，可关注博览会的官方脸书专页 @pakarpertani-anekspo。#

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A5 PRINTED SIZE: 121.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,357.00 ITEM ID: MY0051112824



17 JAN, 2023

# Nong Yeh Global and MARDI Corp works together in agriculture digital transformation

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia



## SUMMARIES

林定业（左起）、黄国鸿、再迪沙林和沙夫安拉扎里，共同签署 谅解备忘录。Nong Yeh Global与MARDICor p携手推动农业数字化(沙登16日讯） 大马农业电子商务平台商Nong Yeh Global与大马农业研究及发展局公司（简称MARDICocp)签署谅解备忘录，携手共推农业领域的数字化发展，促进我国农业经济活动。No

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/1/2023 | NANYANG SIANG PAU | ONLINE | |

财经新闻

# NongYeh Global与MARDI签备忘录 共推农业数字化发展

2023年01月17日



林定业（左起）、黄国鸿、再迪沙林和沙夫安拉扎里签署了解备忘录。

（沙登16日讯）大马农业电子商务平台NongYeh Global与大马农业研究与发展局（MARDI Corp）签署了解备忘录，携手共推农业领域的数字化发展，促进我国农业经济活动。

ADVERTISEMENT

上述签约仪式于上周二（10日）在沙登农业博览馆举行，备忘录由NongYeh Global总执行长黄国鸿与董事林定业，以及大马农业研究与发展局总执行长再迪沙林与总营运长沙夫安拉扎里签署。

## 今起办博览会

在这项备忘录下，两造携手打造的"PAKAR农业博览会"（PPE），将于 3月17日至 3月19日在沙登农业博览馆举行，业界人士受促热烈参与。

ADVERTISEMENT

黄国鸿表示，举办上述博览会旨在满足农业相关利益者的需求，协助农业朝向数字化发展。

他透露，在农业研究与发展局协助引入下，参与博览会的政府机构包括马来西亚联邦农业销售局（FAMA）、联邦土地发展局（FELDA）、联邦土地统一与复兴局（Felcra）、大马棕油局（MPOB）、大马橡胶局（LGM）和其他农业机构等，而NongYeh Global则致力于通过各种线上和线下平台以及其国际合作伙伴，招揽本地与国际参与者、农业专家、农业协会以及合作伙伴等参与博览会。

"届时，农业、种植和食品业的企业将有机会接触许多来自政府和私人界的重要引领者，开拓合作机会，同时也能搜集各方的产品信息、市场信息和农业知识。"

ADVERTISEMENT

他强调，农业是我国重要经济领域，根据大马统计局数据，截至2022年第三季度，农业领域为国内生产总值贡献高达400亿令吉的收入。

欢迎浏览博览会脸书专页：pakarpertanianekspo。

NongYeh Global创建的农业电子商务平台NONGYEH，是企业对企业（B2B）的线上平台，旨在为农业领域相关人士提供全方位服务，如农业产品供应与销售、行业更新、教育培训和工作招聘等。

**视频推荐：**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/1/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26 |

# Maritim Malaysia tahan tujuh nelayan Vietnam

**KUALA TERENGGANU** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan tujuh nelayan warga Vietnam bersama sebuah bot kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara, Sabtu lepas.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu Kapten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, bot tersebut ditahan kira-kira jam 9 pagi di sekitar 135 batu nautika di timur laut Kuala Terengganu melalui operasi Op Naga Barat dan Op Kuda Laut.

"Aset maritim telah mengesan sebuah bot yang mencurigakan sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan ketika dihampiri mereka cuba melarikan diri.

"Namun, kapal operasi bertindak memintas dan menahan bot yang menggunakan nombor pendaftaran asing tersebut," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mohd Khairulanuar berkata kesemua tujuh kru termasuk tekong berumur lingkungan 21 hingga 54 tahun ditahan setelah didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri serta permit pekerja asing sah. Kesemua warga Vietnam itu dihantar ke Maritim Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, bot dan kesemua peralatan menangkap ikan, 150 kilogram ikan campur serta 100 liter diesel yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM1 juta dirampas.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana tidak memiliki sebarang lesen dan permit kerja dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Smart SBBA tingkatkan pendapatan pesawah

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my




**NORIZAN Khazali (tiga dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Syeikh Zakaria Othman (dua dari kiri) memotong reben merasmikan Majlis Pelancaran Menuai Padi Musim 1/2023 Smart SBBA LZNK di Batu 17, Kampung Padang Lumat, Yan, Jerai, Kedah. - UTUSAN/JAMLIAH ABDULLAH**

**JERAI:** Program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA) di Yan di sini, berjaya meningkatkan pendapatan lebih 69 pesertanya yang kini meraih sehingga RM2,900 sebulan.

Menurut Pengerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Datuk Norizan Khazali yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri, program berkenaan akan diperluas dalam usaha mengeluarkan lebih banyak golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan.

"Dengan pendapatan RM2,900 itu, kita berjaya mengeluarkan peserta terdiri golongan asnaf ini iaitu miskin dan miskin tegar daripada kemiskinan. Kita akan bimbing mereka sehingga keluar daripada kelompok asnaf.

"Sehingga mereka selesa dengan kehidupan dalam keluarga, kita akan memberi peluang kepada asnaf lain pula. Setiap peserta terlibat dengan skim ini akan dibimbing sehingga tiga tahun atau enam musim," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika hadir pada Majlis Pelancaran Menuai Padi Musim 1/2023 Smart SBBA LZNK di Batu 17, Kampung Padang Lumat, Yan, di sini semalam.

Mengulas lanjut katanya, sebanyak 211 hektar sawah disediakan kepada peserta berkenaan untuk diusahakan dalam Smart SBBA yang memasuki musim kedua ini.

"Bagi musim menuai terbaharu ini lembaga zakat menyediakan jentera baharu termasuk tiga mesin padi untuk menuai dan dua traktor untuk membantu petani berkenaan.

"Peserta merupakan pesawah tempatan yang layak setelah pemilihan dilakukan oleh panel zakat termasuk imam di kawasan ini. Program ini adalah selaras dengan agenda pembangunan negara untuk memajukan petani," katanya.